

Kepelbagaian dan kegunaan spesies pokok buah nadir daripada kebun dan dusun di Kampung Kakeng, Serian, Sarawak

(Diversity and use of traditional fruit species in home gardens and orchards of Kampung Kakeng, Serian, Sarawak)

Adam Harris Gerten Ritay Abdullah, Muhammad Shafie Md. Sah, Mohd. Norfaizal Hj. Ghazalli, Khadijah Awang, Azuan Amron dan Maya Izar Khaidizar

Pengenalan

Perubahan sosioekonomi yang ketara mempengaruhi kehidupan masyarakat tempatan di Sarawak sejak merdeka. Beberapa kawasan yang dahulunya dianggap luar bandar kini berkembang menjadi kawasan bandar. Ini menyebabkan perlunya pengenalan tanaman yang lebih ekonomik kepada para petani dan pekebun. Tambahan lagi, tanaman tradisional seperti spesies buah nadir semakin diabaikan. Pengabaian buah nadir ini bukan sahaja mengancam kewujudan spesies ini, malahan menyebabkan pengetahuan-pengetahuan yang telah lama diperturunkan secara bergenerasi juga lenyap dan boleh menyebabkan kemerosotan pengetahuan tradisi dalam kalangan masyarakat. Pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan spesies buah-buahan adalah sedikit berbanding dengan herba atau sayur-sayuran. Walaupun kajian seumpamanya ada dibuat, namun ia terhad kepada genus tertentu sahaja. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kepelbagaian dan kegunaan spesies pokok buah nadir daripada kebun dan dusun di Kampung Kakeng, Serian, Sarawak oleh masyarakat tempatan. Maklumat berkenaan pengetahuan dan amalan masyarakat tempatan, serta kepelbagaian spesies dan variasinya perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebagai rujukan asas bagi aktiviti pembaikbakaan.

Lokasi

Kampung Kakeng merupakan salah satu kampung etnik Bidayuh di Serian, Sarawak yang terletak lebih kurang 60 km dari Bandar Kuching, pada kedudukan koordinat 1.17° Utara, 110° Timur dan di kawasan berbukit. Serian mempunyai kadar hujan purata tahunan yang agak tinggi (4.074 mm), menyebabkan julat cuaca daripada panas dan lembap kepada basah atau sangat basah apabila musim hujan. Majoriti masyarakat di Serian, khususnya di Kampung Kakeng adalah petani sepenuh masa. Pasar Tamu Serian merupakan tarikan utama pengunjung dari kawasan lain di sekitar Serian, terutamanya dari Kuching kerana pelbagai hasil hutan dan pertanian boleh dijumpai di sini terutama semasa musim buah-buahan.

Kesedaran pengetahuan tradisional

Perjumpaan bersama komuniti Kampung Kakeng dilakukan melalui bantuan Jabatan Pertanian Sarawak dan Ketua Kampung. Tujuan perjumpaan dibuat adalah untuk menyatakan tujuan kajian ini dan sesi penerangan kesedaran pengetahuan tradisional. Komuniti dikumpulkan di balai raya atau kampung masing-masing dan diberi penerangan mengenai Dokumentasi Pengetahuan Tradisional (TK). Tujuan penerangan adalah untuk memberi kesedaran dan mendidik komuniti untuk mendokumentasikan pengetahuan mereka. Kesedaran perlu diberikan kepada masyarakat untuk menolong mereka menyedari dan memahami ancaman yang berlaku di seluruh dunia dan kesan penghakisan pengetahuan tradisional. Masyarakat juga dinasihatkan untuk mendokumentasikan TK mereka secara peribadi, tanpa perlu berkongsi pengetahuan mereka dengan orang lain kerana dapat difahami bahawa beberapa pengetahuan dianggap sebagai rahsia bagi sekelompok individu, keluarga atau masyarakat itu sendiri.

Temu ramah

Temu ramah hanya dilakukan kepada ahli komuniti yang berminat dan sukarela yang terlibat dengan projek tersebut dan bersedia berkongsi pengetahuan mereka untuk didokumentasikan. *Prior-informed consent* (PIC) atau kebenaran untuk ditemuramah perlu diperoleh daripada responden terlebih dahulu untuk memastikan bahawa responden memahami tujuan dokumentasi dan hak mereka atas pengetahuan yang dikongsi. Dokumentasi dilakukan dengan bantuan alat rakaman seperti perakam suara dan video. Penggunaan peranti tersebut adalah bagi mengesahkan sumber maklumat dan berfungsi sebagai sumber rujukan bagi tujuan terjemahan daripada bahasa ibunda responden. Data yang direkodkan dianalisis dan dikelompokkan ke dalam 'kategori penggunaan' berdasarkan format yang dinyatakan oleh Cook (1995).

Data dan analisis

Pada asasnya, data pengetahuan tradisional dianalisis dan disajikan secara deskriptif, kerana tujuan utamanya adalah untuk mengenal pasti pengetahuan yang berkaitan dengan spesies. Makalah ini merangkumi jadual yang menunjukkan (a) nama spesies dan nama tempatan, (b) kategori penggunaan dan (c) indeks kepentingan budaya (CI). Indeks kepentingan budaya atau *cultural importance index* adalah petunjuk yang banyak digunakan dalam kajian etnobotani bagi menerangkan nilai kepentingan suatu spesies kepada sesuatu pihak, etnik atau budaya berdasarkan maklum balas responden yang terlibat. Nilai CI boleh diperoleh melalui formula berikut dengan U_{Ri} merujuk kepada jumlah penggunaan suatu spesies direkodkan dan N merujuk kepada bilangan responden:

$$CI = \sum_{i=1}^{i=NU} \frac{UR_i}{N}$$

Kepelbagaian dan kegunaan spesies buah

Dua puluh lapan spesies pokok berbuah telah dinyatakan dan dikenal pasti hasil temuramah bersama responden terlibat. Nilai CI tertinggi ditunjukkan oleh rambutan (2.00), diikuti oleh manggis dan variannya (0.91), serta mengkudu (0.72). Hasil pemerhatian mendapati nilai CI yang tinggi pada rambutan adalah kerana ia merupakan tanaman berbuah pilihan komuniti di sana. Terdapat pokok rambutan baru ditanam di sekitar rumah manakala pokok lama dengan variasi berbeza didapati tumbuh atau ditanam di pinggir kampung oleh generasi terdahulu. Oleh yang demikian, spesies ini agak sinonim bagi penduduk di sini dan banyak kegunaan disumbang olehnya.

Manggis juga mempunyai nilai CI yang tinggi kerana ia juga merupakan spesies pilihan komuniti di sini dengan pelbagai varieti boleh dijumpai. Mengkudu juga mempunyai nilai CI yang tinggi kerana nilai perubatan daripada buahnya kerap diamalkan oleh komuniti di sini. Terdapat beberapa spesies buah nadir yang menarik perhatian boleh diketengahkan seperti langgir iaitu sejenis spesies tempatan yang banyak digunakan oleh generasi terdahulu berbanding sekarang sebagai pencuci rambut semula jadi. Keunikan kepayang sebagai sumber racun, aroi-aroi sebagai penambah rasa makanan, pelbagai spesies daripada genus *Garcinia* dan *Baccaurea* juga berpotensi dan diambil perhatian untuk dilakukan lebih banyak kajian untuk pembaikbakaan kerabat buah komersialnya.

Jadual 1. Kategori penggunaan dan indeks kepentingan budaya untuk setiap spesies

No.	Spesies	Nama tempatan	Kategori penggunaan	Indeks kepentingan budaya (CI)
1	<i>Annona muricata</i>	Durian belanda	Makanan, perubatan	0.18
2	<i>Archidendron pauciflorum</i>	Jering	Makanan, perubatan	0.18
3	<i>Artocarpus anisophyllus</i>	Bintawak	Makanan, perubatan	0.18
4	<i>Artocarpus integer</i>	Cempedak	Makanan	0.18
5	<i>Artocarpus odoratissimus</i>	Terap	Makanan, bahan mentah	0.18
6	<i>Averrhoa carambola</i>	Belimbing besi	Makanan, perasa makanan, bahan mentah	0.45
7	<i>Baccaurea lanceolata</i>	Asam pahong/limposu	Perasa makanan, perubatan	0.27

Samb.

Jadual 1. Samb.

No.	Spesies	Nama tempatan	Kategori penggunaan	Indeks kepentingan budaya (CI)
8	<i>Baccaurea macrocarpa</i>	Tampoi/umpo	Makanan	0.55
9	<i>Baccaurea motleyana</i>	Rambai	Makanan, bahan mentah	0.18
10	<i>Dimocarpus longan</i> ssp. <i>malesianus</i> var. <i>malesianus</i>	Mata kucing	Makanan	0.09
11	<i>Durio zibethinus</i>	Durian	Makanan, bahan mentah	0.36
12	<i>Garcinia forbesii</i>	Aroi-aroi	Makanan, perubatan	0.18
13	<i>Garcinia mangostana</i>	Benah/kerok/manggis/sikop	Makanan, bahan mentah, perubatan	0.91
14	<i>Garcinia parvifolia</i>	Kandis	Makanan, perubatan	0.27
15	<i>Lansium domesticum</i>	Langsat	Makanan, perubatan	0.18
16	<i>Litsea garciae</i>	Engkala	Makanan	0.18
17	<i>Mangifera indica</i>	Mangga	Makanan	0.09
18	<i>Mangifera odorata</i>	Kuini	Makanan	0.09
19	<i>Mangifera pajang</i>	Mawang	Makanan, perubatan	0.36
20	<i>Mangifera quadrifida</i>	Rawa	Makanan	0.09
21	<i>Morinda citrifolia</i>	Mengkudu	Makanan, perubatan	0.72
22	<i>Nephelium lappaceum</i>	Rambutan	Makanan, perubatan, bahan mentah, bahan bakar	2.00
23	<i>Nephelium ramboutan-ake</i>	Pulasan	Makanan, perubatan	0.27
24	<i>Pangium edule</i>	Kepayang	Makanan, racun	0.18
25	<i>Pithecellobium ellipticum</i>	Langgir	Makanan, bahan mentah	0.55
26	<i>Psidium guajava</i>	Jambu batu	Makanan, perubatan	0.18
27	<i>Shorea</i> spp.	Meranti	Makanan, bahan mentah	0.18
28	<i>Theobroma cacao</i>	Koko	Makanan, bahan mentah	0.18

Kesimpulan

Terdapat kemungkinan masih ada lagi spesies berpotensi yang tidak direkodkan daripada temuramah ini kerana maklumat hanya diperoleh daripada responden terlibat sahaja. Tambahan lagi, didapati terdapat penurunan bilangan jumlah pemegang pengetahuan dan amalan penggunaan spesies ini seperti yang ditimbulkan oleh responden. Namun begitu, ahli komuniti telah disarankan untuk merekod sendiri sebarang pengetahuan tradisi yang mereka ada untuk simpanan masing-masing. Hal ini penting agar pengetahuan yang mereka ada tidak hilang atau pupus. Melalui temuramah dan pengetahuan sebegini juga mampu merungkai ruang dan peluang untuk pembaikbakaan spesies tertentu.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada ketua kampung dan komuniti Kampung Kakeng atas kerjasama dan bantuan dalam menjayakan dokumentasi pengetahuan tradisi di kampung tersebut. Terima kasih juga ditujukan kepada Puan Pearlycia Brooke (Jabatan Pertanian Sarawak) atas bantuan dalam menghubungkan kami dengan Kampung Kakeng. Terima kasih juga kepada Dr. Salma Idris atas khidmat nasihat semasa temuramah dan ceramah dijalankan.

Bibliografi

- Cook, F.E.M. (1995). *Economic botany data collection standard*. UK: Royal Botanic Gardens (Kew)
- Gerten, D., Salma, I., Muhammad Shafie, M.D., Shariah, U., Brooke, P., Wong, W.W. dan Nurhayati, M.H. (2014). Traditional knowledge on tropical fruit plant species of six different communities in Malaysia. *Proceedings of the Seminar Pemuliharaan dan Perneriksaan Pengetahuan Tradisi, Kepong*, 23 – 24 Mei 2014, 86 – 90
- Menendez-Baceta, G., Aceituno-Mata, L., Reyes-García, V., Tardío, J., Salpeteur, M. dan Pardo-de-Santayana, M. (2015). The importance of cultural factors in the distribution of medicinal plant knowledge: a case study in four Basque regions. *J. Ethnopharmacol.* 161: 116 – 27
- Purwanto, Y. (2021). Applying ethnobiology in sustainable management and utilization of biological resources in Indonesia. *Proceedings of KOB I 2nd International Confer*, 1: 8 – 23

Ringkasan

Perubahan sosioekonomi yang ketara mempengaruhi kehidupan masyarakat tempatan di Sarawak sejak merdeka dan beberapa kawasan yang dulunya dianggap luar bandar kini menjadi kawasan bandar yang berkembang pesat. Ini menyebabkan perlunya pengenalan tanaman yang lebih ekonomik dan mengakibatkan tanaman tradisional seperti spesies buah nadir telah diabaikan. Ini juga boleh menyebabkan kemerosotan pengetahuan tradisi dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian ini, kami 1) mendokumentasikan dan mengenal pasti spesies buah tradisional yang masih ada di Kampung Kakeng, Serian dan 2) mendokumen dan mengenal pasti penggunaan spesies ini. Kami mendapati 28 spesies buah tradisional telah dikenal pasti dan penggunaannya dijelaskan oleh 11 responden yang berpengetahuan. Kami juga mengenal pasti penurunan jumlah pemegang pengetahuan dan amalan penggunaan spesies ini seperti yang dijelaskan oleh responden. Ringkasnya, pengetahuan tradisi yang berkaitan dengan spesies buah tidak sebanyak herba atau sayur-sayuran. Walau bagaimanapun, mempunyai pengetahuan seperti itu sendiri adalah sangat berharga, apatah lagi dengan jumlah mereka yang mengetahui dan mempraktikkan atau menggunakan pengetahuan itu dilihat semakin berkurangan.

Summary

Profound socioeconomic changes affected the livelihoods of local communities in Sarawak since the independence, whereas some areas that were once considered rural have now become the expansion area of cities. This led to the introduction of more economical crop planting and traditional crops such as fruit species has been put to the sideline. This may also lead to deterioration of indigenous knowledge. In this study, we 1) document and identify the traditional fruit species that is still available in Kampung Kakeng, Serian and 2) document and identify the use of these species. We found nine traditional fruit species have been identified and its uses was explained by 11 knowledgeable respondents. We also identified the decline in numbers of knowledge holders and practice on the use of these species as was explained by the respondents. In summary, indigenous knowledge related to fruit species was not as much as in herbs or vegetable crops. However, the knowledge itself is very valuable as those who know and truly practice or use the crops are in a declining trend.

Pengarang

Adam Harris Gerten Ritay Abdullah

Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran

MARDI Bintulu, KM55, Jalan Bintulu-Miri, 97007 Bintulu, Sarawak

Muhammad Shafie Md. Sah, Mohd. Norfaizal Hj. Ghazalli (Dr.), Azuan Amron dan Maya Izar Khaidizar

Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran

Ibu Pejabat MARDI, Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

Khadijah Awang

Pusat Penyelidikan Tanaman Industri

MARDI Jerangau, KM50, Jln. Ajil – Jerangau, Kampung Landas, 21820 Ajil Terengganu, Malaysia